



Teknik *Matched-Guised*: Mendalami Sikap Penutur Bahasa di Kuching, Sarawak

Lam Kai Chee * & Kamila Ghazali **

kclam@cls.unimas.my, kamila@um.edu.my

*Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

**Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

Abstrak

Berlandaskan ujian *matched-guised*, kajian ini bertujuan meninjau sikap bahasa komuniti atas-talian berbangsa Cina di Kuching terhadap bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis dari dimensi status dan kekitaan. Pembolehubah yang dikaji ialah jantina, taraf pendidikan, dan bahasa pertama responden. Didapati kaum lelaki lebih mendampingi variasi tidak standard manakala variasi standard lebih disukai kaum perempuan. Kaum perempuan lebih mementingkan aspek kekitaan variasi standard, meskipun kedua-dua jantina mengakui keserlahannya dari dimensi status. Perbezaan taraf pendidikan tidak mempengaruhi pandangan responden dari dimensi status, tetapi kesannya terserlah pada bahasa Mandarin basahan dari dimensi kekitaan. Turut didapati semakin tinggi taraf pendidikan responden, semakin bernilai variasi standard dalam hati mereka. Kupasan dari segi bahasa pertama menunjukkan penutur dialek melihat variasi standard sebagai paling berstatus. Amnya, penutur dialek menyebelahi variasi tempatan dan vernakular sementara penutur bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin lebih memihak kepada variasi standard.

Kata kunci: sikap bahasa, Kuching, jantina, taraf pendidikan, bahasa pertama

Abstract

Based on matched-guised experiments, this study aims to explore the language attitudes of online Chinese community in Kuching on Standard Mandarin, colloquial Mandarin, Hokkien and Cantonese from the dimension of status and solidarity. The variables studied are gender, level of education, and the first language of respondents. It is found that males favour the non-standard variety while the standard variety is more popular among females. Females place greater importance on the solidarity aspect of standard variety, despite the fact that its status aspect is well-acknowledged by both genders. The difference in education level does not have impact on respondents' feedback in terms of the status dimension; however the impact is obvious on the solidarity dimension of colloquial Mandarin. It is also found that the higher education level possessed by respondents, the better place standard variety will have in them. Users of dialects view standard variety as having the highest status. The vernacular and local varieties are favoured among them while the speakers of Malay, English and Mandarin prefer the standard variety.

Keywords: language attitude, Kuching, gender, education level, first language

1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat yang memungkinkan komunikasi antara manusia berlaku dengan berkesan. Sistem bunyi (fonologi), perkataan (leksikal) dan pembentukannya (morfologi), sistem nahu (sintaks), serta sistem makna (semantik) merupakan antara unsur-unsur penting yang membentuk sesuatu bahasa. Oleh sebab setiap bahasa dalam dunia ini berbeza dari segi fonologi, morfologi, leksikal, sintaksis dan semantik, maka wujudlah pelbagai bahasa seperti yang boleh kedengaran di sekitar komuniti manusia. Apabila wujudnya satu-satu keadaan yang memerlukan

pengungkapan keadaan baru itu dalam bentuk perkataan, setiap bahasa dikatakan mampu melakukan penyesuaian supaya konsep baru tersebut boleh difahami oleh komuniti bahasa masing-masing.

Namun, selama ini wujud perlawanan perspektif yang ketara antara ahli sosiolinguistik dengan masyarakat awam yang memainkan peranan sebagai pengguna bahasa yang utama. Bagi ahli sosiolinguistik, setiap bahasa adalah setara kerana dapat memenuhi fungsi komunikatif satu-satu komuniti bahasa. Bagi masyarakat awam pula, sering kedengaran dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat bahasa yang lebih baik berbanding bahasa lain. Keadaan yang sama juga berlaku pada dialek. Dakwaan sedemikian dikatakan sebagai memaparkan kepercayaan normatif (*normative belief*) oleh Hayes (2010:42), iaitu kepercayaan yang melibatkan ‘apa yang *dirasakan* sepatutnya berlaku’ dan bukannya ‘apa yang *sebenarnya* berlaku’. Kepercayaan normatif merupakan konsep yang luas. Kalau dikedalikan skopnya sehingga terbatas kepada bagaimana ahli masyarakat melihat bahasa sahaja, istilah ‘sikap bahasa’ lebih sesuai digunakan.

Kajian ini dijalankan di Kuching, Sarawak dengan memfokus pada sikap bahasa komuniti Cina di situ. Dialek yang paling dominan dalam komuniti Cina di kawasan Bandaraya Kuching ialah dialek Hokkien. Pemerhatian ini adalah selari dengan dapatan Tan (2000:47), iaitu “*Hokkien is the Chinese lingua franca in most places in Malaysia, especially in... Sarawak.*” Dapatan yang turut disokong Lim & Tsiao (2009) ini boleh dijejak daripada fakta bahawa orang Hokkien mempunyai sejarah penempatan yang lebih lama dan penyebaran mereka adalah lebih meluas (Tan, 2000:47), di samping sifat orang Hokkien yang gemar pada kehidupan di bandar (Ting & Puah, 2010:3). Dalam kalangan penduduk Cina Kuching yang menggunakan pelbagai variasi bahasa Cina sebagai bahasa pertama dalam kehidupan mereka, dialek Hokkien boleh kedengaran dalam hampir kesemua domain, contohnya domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain keagamaan, domain tempat menjaja, domain perniagaan dan domain pekerjaan. Domain pendidikan pula menggunakan bahasa Mandarin, meskipun dialek Hokkien juga digunakan sesama pelajar atau guru di luar waktu pengajaran.

Pada masa yang sama, bahasa Mandarin semakin meluas digunakan dalam pelbagai domain kerana orang Cina (terutamanya yang menerima pendidikan aliran Cina) melihat bahasa Mandarin sebagai lingua franca sesama orang Cina di seluruh dunia di samping fungsinya sebagai bahasa literasi (Tan, 2000:56). Berkembang daripada bahasa Mandarin, wujud sekurang-kurangnya dua jenis variasi bahasa Mandarin, iaitu bahasa Mandarin Standard dan bahasa Mandarin basahan. Bahasa Mandarin Standard merupakan variasi yang lazim digunakan oleh guru-guru subjek bahasa Mandarin, pembaca berita dan pengacara radio. Variasi ini dicirikan khasnya oleh sebutan yang tepat, penggunaan leksikal yang standard, dan tiada atau amat jarang wujudnya fenomena percampuran kod. Selain kumpulan-kumpulan sosial yang disebutkan ini, bahasa Mandarin Standard tidak atau jarang digunakan. Oleh itu variasi ini boleh diserupakan dengan variasi yang disebutkan oleh Platt (1977:373-374) sebagai “*Dummy High*”, iaitu:

... some of the members have a certain knowledge, and which are given prestige ratings by the speakers and are even recognized either by government authorities, media, or prestige groups within the speech community, but which are not in fact utilized extensively in any domain.

Secara relatifnya bahasa Mandarin basahan menduduki ekstrim yang satu lagi; variasi ini selalunya tidak mengutamakan penyebutan retrofleksi dalam gugusan ‘zh’, ‘ch’ dan ‘sh’ (Chen, 1993a). Selain itu variasi ini juga dicirikan dengan kewujudan nada ‘*ru*’ (bunyi dengan hentian glottis) secara tidak konsisten (Chen, 1993b; Chen, 1993c). Ringkasnya, bahasa Mandarin basahan ialah bahasa pertuturan sehari-harian dalam konteks tidak formal. Pemerhatian sehari-harian pengkaji berkenaan reaksi penonton Cina Kuching terhadap drama Mandarin Singapura dan drama Mandarin Malaysia mencerminkan sesuatu yang menarik. Berdasarkan reaksi positif penonton Cina Kuching terhadap sesetengah drama Mandarin Singapura yang banyak menggunakan bahasa Mandarin basahan (contohnya drama Jack Neo), boleh dibuat anggapan bahawa drama Mandarin Singapura rata-ratanya lebih disukai berbanding drama Mandarin Malaysia yang kerap menggunakan bahasa Mandarin Standard.

Ringkasnya, dialek Hokkien, bahasa Mandarin basahan dan bahasa Mandarin Standard merupakan tiga variasi bahasa Cina yang selalu kedengaran di Kuching. Sememangnya dialek-dialek lain contohnya dialek Teochew, Hakka dan Foochow juga dituturkan tetapi dialek Hokkien dan bahasa Mandarin basahan mempunyai kedudukan yang dominan dan rata-rata boleh difahami oleh kebanyakan penduduk Cina di situ. Bahasa Mandarin Standard pula walaupun bukan bahasa pertama mana-mana kumpulan sosial, tetapi penyebarannya amat luas disebabkan oleh pengaruh media massa (contohnya menerusi rancangan-rancangan Singapura, Taiwan, China dan saluran radio) sehingga penduduk Cina di Kuching tidak berasa asing dengan variasi ini.

Dialek Kantonis merupakan variasi bahasa Cina yang menarik dalam konteks Kuching. Dialek ini tidak mempunyai kedudukan dominan malah juga jarang dituturkan di Kuching, namun oleh sebab banyak rancangan televisyen dan radio Cina disiarkan dengan menggunakan dialek Kantonis, maka penduduk Cina di Kuching sudah biasa dengan dialek ini.

Kewujudan kepelbagaian variasi seperti yang diterangkan di atas memberikan ilham kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini, memandangkan diversiti linguistik mungkin membentuk sikap bahasa yang unik dalam kalangan penggunanya. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau sikap bahasa komuniti atas-talian berbangsa Cina di Kuching terhadap bahasa Mandarin Standard (variasi standard yang disebarakan melalui media massa), bahasa Mandarin basahan (variasi yang tidak standard tetapi berfungsi sebagai lingua franca), dialek Hokkien (dialek dominan dan mempunyai kedudukan sebagai dialek lingua franca), dan dialek Kantonis (dialek yang kurang dominan tetapi disebarakan oleh media massa).

Persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan ialah:

- (1) Apakah sikap bahasa komuniti atas-talian berbangsa Cina di Kuching terhadap bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis dari dimensi status dan kekitaan?
- (2) Apakah sikap komuniti sasaran terhadap bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis berdasarkan jantina, taraf pendidikan, dan bahasa pertama mereka?

2. Kajian Lepas

Sikap bahasa boleh merujuk kepada bahasa *per se* (contohnya sama ada sesuatu variasi bahasa adalah ‘sedap didengar’, ‘tidak sedap didengar’, ‘kaya’, ‘tidak kaya’ dan seumpamanya), atau diluaskan skopnya untuk merangkumi sikap terhadap penutur-penutur sesuatu variasi (Schilling-Estes, 2002), mahupun cara-cara melayan sesuatu bahasa (contohnya pengekaln bahasa dan perancangan bahasa) (Fasold, 1984). Sikap terhadap bahasa *per se* adalah menarik kerana secara semulajadinya tiada satu variasi bahasa yang lebih baik atau cantik berbanding variasi lain (Holmes, 2008). Meskipun sikap bahasa penting dalam perkembangan, pelupusan, mahupun perlakuan bahasa manusia, ahli-ahli linguist belum mencapai kata sepakat dalam definisi sikap bahasa. Crystal (1992) berpendapat bahawa sikap bahasa ialah pendapat seseorang terhadap bahasa sendiri atau bahasa orang lain. Trudgill (2003:73) pula melihat sikap bahasa sebagai sikap manusia secara positif atau sebaliknya terhadap bahasa, dialek, loghat dan penutur bahasa yang berlainan. Sikap bahasa bukan sahaja ditunjukkan dalam penilaian objektif terhadap ciri-ciri penutur, malah dalam penilaian objektif terhadap nilai estetik dan betapa standard serta praktikalnya sesuatu variasi (Trudgill, 2003:73).

Oleh sebab prejudis sosial, sikap terhadap bahasa *per se* adalah ketara sehingga pelbagai isu boleh timbul daripadanya, contohnya kebolehfahaman (Wolff, 1959), perancangan bahasa yang terpaksa akur kepada faktor sosial dan politik, soal prestij *overt* dan *covert* (Holmes, 2008), serta perkaitan antara ciri-ciri linguistik sesuatu variasi bahasa dengan stereotaip golongan penutur (Preston, 2002). Misalnya Preston (1999:359) menyatakan bahawa sesetengah kumpulan dipercayai bersikap rajin dan cerdik (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka); sesetengah kumpulan dipercayai bersikap acuh tak acuh, romantik dan tidak mepedulikan kesan yang mungkin timbul akibat daripada perbuatan sendiri (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka); sesetengah kumpulan dipercayai bersikap malas, biadap dan melengah-lengahkan masa (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka); dan sesetengah kumpulan pula dipercayai bersikap praktikal, angkuh, serta tidak bersimpati terhadap orang lain (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka). Sebaliknya, terdapat juga pendengar yang menganggap sesuatu kumpulan sosial atau etnik sebagai memiliki sifat-sifat personaliti yang menggambarkan ciri-ciri atau persepsi yang bersifat stereotaip terhadap kumpulan sosial atau etnik berkenaan, walaupun dengan hanya berpandukan bahasa atau variasi yang dituturkan mereka (Edwards, 1982). Fenomena ini adalah tidak adil untuk setiap ahli dalam kumpulan sosial atau etnik yang dimaksudkan, kerana jelas sekali dakwaan yang menyatakan keseluruhan kumpulan sosial atau etnik memiliki sesuatu sifat personaliti yang tertentu merupakan generalisasi yang keterlaluan (*overgeneralisation*).

3. Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan teknik *matched-guised* (MG). Ithemere (2006), Cavallaro & Ng (2009), Fasold (1984) dan Luhman (1990) menyebut teknik MG sebagai satu kaedah standard dalam kajian sikap bahasa. Pelaksanaan ujian MG yang tipikal ialah: Sejumlah penutur bilingual yang lancar menuturkan bahasa-bahasa yang dikaji dikumpulkan. Oleh sebab teknik ini bertujuan mengawal semua pembolehubah (contohnya kepantasan dan kualiti suara) kecuali bahasa, setiap seorang daripada mereka akan membaca teks yang sama isi kandungannya sekali dalam satu bahasa dan sekali lagi dalam bahasa yang satu lagi (menggunakan teks terjemahan). Pembacaan mereka dirakamkan dan dimainkan kepada sekumpulan responden, dengan pasangan rakaman pembaca sengaja dipisahkan antara satu sama lain dengan menyelitkan rakaman-rakaman daripada pembaca lain agar responden tidak sedar bahawa satu-satu pembaca telah membaca sebanyak dua kali. Dengan ini diandaikan bahawa responden dikelirukan dan melupakan kualiti suara pembaca. Mereka akan menganggap bahawa kesemua rakaman adalah daripada individu yang berbeza. Seterusnya responden diminta menilai pembaca-pembaca berdasarkan ciri-ciri seperti ketinggian, kecerdasan, kelas sosial, kesukaan dan sebagainya. Sekiranya satu-satu pembaca dinilai secara berbeza, perbezaan penilaian ini semestinya disebabkan oleh perbezaan bahasa memandangkan semua pembolehubah lain adalah malar (Fasold, 1984:150).

Rujukan utama kajian ini dan kerangka analisisnya berdasarkan ujian MG Zhang (2009) dan Cavallaro & Ng (2009) tetapi disesuaikan mengikut kehendak kajian.

Responden

Responden kajian merupakan penduduk Kuching berbangsa Cina; merupakan sebahagian daripada komuniti atas-talian; dan berumur sekurang-kurangnya 14 tahun bagi memastikan mereka sudah menepati syarat sebagai "*full-fledged speaker of the language*" (Baskaran, 2005:11). Pemilihan komuniti atas-talian sebagai responden adalah sebagai kaedah inovatif, di samping skop responden boleh diperluas berbanding cara tradisional (bersemuka). Kajian ini mendefinisikan komuniti atas-talian sebagai mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun atas-talian untuk tujuan berurusan secara atas-talian, contohnya untuk berhubung dengan orang lain, menjalankan transaksi bank, melayari buletin atas-talian atau sekadar menghantar dan menerima emel.

Pembekal Stimulus

Dua orang pembekal stimulus membaca teks autentik berbunyi neutral yang disesuaikan daripada ruangan *Fukan – Xingyun* dalam akhbar *Sin Chew Daily* bertarikh 29 September 2010. Aspek kekongruenan topik dengan variasi bahasa yang dikaji telah diambil kira dalam pemilihan teks supaya sesuai dibaca dalam variasi-variasi yang dikaji tanpa kedengaran janggal. Kriteria pemilihan pembekal stimulus ialah

- (1) warganegara Malaysia berbangsa Cina;
- (2) perempuan;
- (3) umur antara 20-30 tahun;
- (4) berpendidikan tinggi (pemegang Ijazah Sarjana Muda); dan
- (5) repertoire linguistik mengandungi sekurang-kurangnya satu daripada variasi-variasi bahasa Cina yang hendak dikaji

Pembekal-pembekal stimulus dan variasi bacaan masing-masing ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pembekal-pembekal stimulus dan variasi bacaan masing-masing

Pembaca teks	Variasi yang dibaca	Label rakaman
Pembekal stimulus A	Dialek Hokkien	H
	Bahasa Mandarin basahan	M2
	Dialek Kantonis	K
Pembekal stimulus B	Bahasa Mandarin Standard	M1

Kajian Sebenar

Rakaman-rakaman dan soal selidik dimuat naik ke atas laman web *kwiksurveys* (www.kwiksurveys.com). Laman web ini dibangunkan oleh kumpulan *kwiksurveys* pada tahun 2008 dan bertujuan membolehkan pengguna mencipta survei atas-talian secara percuma dan mudah. Banyak syarikat antarabangsa seperti Disney, Pepsi, dan Glaxo Smith Kline telah memanfaatkan laman web ini dalam penciptaan survei masing-masing.

Dua edisi emel jemputan survei (bahasa Cina dan bahasa Inggeris) dihantarkan kepada kenalan-kenalan yang berada dalam rangkaian sosial pengkaji. Setiap edisi ini mengandungi alamat laman web survei yang membawa responden ke survei dalam bahasa masing-masing. Saiz sampel dijangka bertambah apabila kenalan-kenalan tersebut memanjangkan emel jemputan yang sama kepada kenalan-kenalan yang berada dalam rangkaian sosial mereka. Pengkaji juga menyebarkan emel jemputan survei tersebut melalui tapak rangkaian sosial *facebook* dan forum-forum atas-talian tempatan. Melalui tapisan sistem, hanya mereka yang menepati ciri-ciri responden dapat meneruskan survei. Sila rujuk Lam & Kamila (2013) untuk penerangan terperinci berkenaan pelaksanaan ujian MG kajian ini.

Masa sebulan (30 Januari sampai 4 Mac 2011) diluahkan untuk proses kutipan data. Sebanyak 403 maklum balas berjaya dikembalikan. Dengan menggunakan program *Microsoft Excel* dalam proses pengiraan, analisis dijalankan berpandukan purata ke atas penilaian yang diperolehi daripada responden.

4. Analisis dan Perbincangan

Penilaian Berdasarkan Jantina Responden

a. Ujian MG

Jadual 2: Penilaian berdasarkan jantina terhadap M1, M2, H dan K

Jantina	Dimensi	Variasi			
		M1	K	H	M2
Lelaki	Status	3.52	3.18	2.92	2.57
	Kekitaan	3.27	3.15	2.91	3.06
	Keseluruhan	3.39	3.16	2.92	2.82
Perempuan	Status	3.48	3.15	2.91	2.58
	Kekitaan	3.34	3.15	2.93	2.98
	Keseluruhan	3.41	3.15	2.92	2.78

M1 = Mandarin Standard; K = Kantonis; H = Hokkien; M2 = Mandarin basahan

Dapatan secara keseluruhan mencadangkan bahawa bagi kedua-dua jantina, penilaian terhadap variasi vernakular (H dan K) mengatasi M2 tetapi diatasi M1. Namun kupasan lebih mendalam yang bertitik tolak daripada jantina responden bakal mendedahkan sesuatu yang agak menarik, kerana jantina sememangnya salah satu faktor sosial yang terpenting dalam kajian sosiolinguistik.

Daripada Jadual 2, secara umumnya penilaian keseluruhan oleh responden lelaki untuk semua variasi tidak standard, yakni K, H dan M2, adalah sama ada setara atau lebih tinggi daripada responden perempuan, tetapi pola ini tidak muncul untuk variasi standard M1. Meskipun perbezaan penilaian antara jantina ke atas variasi-variasi tidak sebesar seperti yang dijangka, pola keseluruhan masih selari dengan pola-pola seperti yang dilaporkan oleh Lung (1997) dan Eckert (1989), iaitu variasi vernakular lebih dipertingkatkan oleh kaum lelaki sementara kaum perempuan cenderung memihak kepada variasi standard (contohnya kajian oleh Karahan, 2007). Yang perlu diberi perhatian ialah jurang perbezaan bagi penilaian keseluruhan antara M1 dan K (masing-masing variasi yang paling dan kedua disanjung tinggi) serta M2 dan H (masing-masing menerima penilaian terendah dan kedua terendah) oleh responden kajian. Didapati jurang perbezaan antara M1 dan K bagi responden lelaki adalah sebanyak 0.23 manakala bagi responden perempuan adalah sebanyak 0.26; jurang perbezaan antara M2 dan H bagi responden lelaki pula adalah sebanyak 0.10 sementara untuk responden perempuan, 0.14. Walaupun kesimpulan yang amat konklusif tidak dapat dibuat berdasarkan jurang-jurang perbezaan ini semata-mata (saiz responden kedua-dua jantina yang lebih besar

diperlukan), namun jurang-jurang perbezaan ini memberi petanda bahawa responden perempuan secara relatifnya mempamerkan sikap yang lebih ekstrim dalam penilaian variasi.

Fokus analisis seterusnya beralih kepada penilaian dari dimensi status dan kekitaan. Keserupaan pendapat kedua-dua jantina terhadap keserlahan M1 dari dimensi status (3.52 untuk lelaki; 3.48 untuk perempuan) tidak mengetepikan fakta bahawa lelaki sebenarnya menilai M1 lebih tinggi dari dimensi status berbanding perempuan yang menilai M1 lebih tinggi dari dimensi kekitaan (3.34, berbanding 3.27 untuk lelaki). Dapatan kedua ini adalah selari dengan dapatan kajian-kajian sikap bahasa yang menjadikan jantina sebagai salah satu tumpuan kajian (contohnya Lung, 1997; Cavallaro & Ng, 2009; Coupland & Bishop, 2007) yang mengatakan bahawa perempuan cenderung menilai variasi standard lebih tinggi dari dimensi kekitaan. Pada masa yang sama, kedua-dua dapatan ini sekaligus mencadangkan bahawa perempuan lebih mengutamakan aspek berkaitan penjalinan hubungan dalam kumpulan (*ingroup solidarity*) (Holmes, 2008) dan emosi, sedangkan lelaki lebih peka terhadap pertimbangan dari segi pragmatik.

K dan H masing-masing mendapat penilaian yang hampir serupa untuk kedua-dua dimensi (3.18:3.15 (set data lelaki) dan 3.15:3.15 (set data perempuan) untuk K; 2.92:2.91 (set data lelaki) dan 2.91:2.93 (set data perempuan) untuk H). Inferens yang boleh dibuat adalah: Responden lelaki dan perempuan melihat kedua-dua variasi ini sebagai setara dari kuasa instrumental dan integratif masing-masing.


Juga boleh diperhatikan bahawa responden lelaki lebih mengaitkan M2 dengan kekitaan berbanding perempuan (3.06, berbanding 2.98 untuk perempuan), meskipun kedua-dua mereka memberikan penilaian yang serupa bagi M2 untuk dimensi status. Sekali lagi ini membuktikan lelaki "... *make more favourable judgements of their own speech*" (Coupland & Bishop, 2007:82) dan variasi yang lebih biasa dituturkan sesama komuniti sendiri (berbanding M1 selaku variasi yang bertaraf *Dummy High*). Namun kalau dakwaan tersebut bersifat universal, penilaian H oleh kedua-dua jantina yang langsung tidak menampakkan sebarang signifikan tidak kira dari dimensi status atau kekitaan pula meninggalkan persoalan. H sebagai variasi tempatan sepatutnya juga menjangkakan peningkatan penilaian oleh responden lelaki dari dimensi kekitaan. Jawapan untuk persoalan ini mungkin tersembunyi dalam perbezaan penilaian bagi H dan M2 oleh kedua-dua jantina dari dimensi kekitaan. Daripada Jadual 2 boleh didapati bahawa M2 dinilai lebih tinggi secara relatif dengan H dari dimensi kekitaan bagi kedua-dua jantina. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa M2 lebih mendapat tempat dalam hati responden, yang sekaligus membolehkan mereka lebih yakin dalam membuat penilaian berdasarkan emosi (*emotional-based evaluation*) (iaitu penilaian dari dimensi kekitaan) terhadap M2 dan bukannya H.

b. Soal selidik

Bahagian ini meninjau sikap responden dengan lebih mendalam berdasarkan 10 item soal selidik. Mereka diminta memberikan respons dari poin 1 hingga 5. Semakin tinggi poin yang diberi responden terhadap satu-satu item dalam soal selidik, semakin bersetuju responden terhadap item tersebut.

Jadual 3: Item-item soal selidik (daripada edisi bahasa Inggeris) dan aspek yang dikaji

No. item	Item	Singkatan item	Aspek yang dikaji
1	<i>I feel ashamed speaking in this lady's language.</i>	MALU	Sikap bahasa
2	<i>This lady's language is melodious.</i>	MERDU	
3	<i>I will feel very proud if I am able to speak this lady's language.</i>	BANGGA	
4	<i>Kuching Chinese should speak in a language similar to this lady's.</i>	PATUT	
5	<i>I like this lady's language.</i>	SUKA	
6	<i>One will succeed in a job interview if he/she uses this language in a Chinese-speaking company in Kuching.</i>	KERJA	Fungsi variasi dan layanan yang mungkin diterima oleh penutur
7	<i>If I use this lady's language with a Chinese hawker at pasar, I might get charged higher.</i>	MAHAL	
8	<i>I will be said as showing-off if I use this lady's language while chatting.</i>	MENUNJUK-NUNJUK	
9	<i>Speaking in this lady's language helps me communicate with the Chinese in Kuching.</i>	KOMUNIKASI	Penggunaan umum variasi
10	<i>If I have children, I want them to learn the language this lady is using.</i>	ANAK	Masa depan variasi



(L = lelaki; P = perempuan)

Rajah 1: Penilaian berdasarkan jantina untuk item-item soal selidik terhadap M1, M2, H dan K

Pandangan pertama pada Rajah 1 memantapkan hujah bahawa responden perempuan lebih peka dan memberikan penilaian yang lebih ekstrim pada variasi-variasi, melainkan tiga kekecualian yang tidak signifikan pada item-item MAHAL, MENUNJUK-NUNJUK dan KOMUNIKASI. Kesemua item lain mempunyai penilaian terendah dan tertinggi yang dicatatkan oleh responden perempuan. Contohnya bagi item MALU: Responden perempuan 'amat tidak bersetuju' (1.76) bahawa menggunakan M1 adalah memalukan berbanding 'tidak bersetuju' (2.11) untuk responden lelaki; item BANGGA: Responden perempuan berasa lebih bangga (3.68) jika mampu bertutur dalam M1 berbanding responden lelaki (3.39); item PATUT: Responden perempuan mempunyai persetujuan yang lebih tinggi (3.52) berbanding responden lelaki (3.2) dari segi kepatutan M1 dituturkan oleh orang Cina di Kuching; item SUKA: Responden perempuan menyampaikan ketidaksukaan terhadap M2 (2.55) dengan lebih kuat (*intense*) berbanding lelaki (2.81); dan item ANAK: Responden perempuan berbunyi lebih yakin (*promising*) untuk memastikan anak-anak sendiri mempelajari M1 (4.04, berbanding 3.71 untuk responden lelaki).

Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan daripada Rajah 1 bahawa pola sikap bahasa yang ditunjukkan oleh responden perempuan adalah tipikal, iaitu respons yang diberikan oleh mereka menandakan perempuan sebagai golongan yang lebih peka pada status yang tersembunyi di sebalik pemilihan variasi (Holmes, 2008; Cavallaro & Ng, 2009). Hal ini juga menyebabkan dakwaan bahawa golongan perempuan berpotensi menjadi peneraju dalam proses perubahan linguistik yang memartabatkan pola prestij baru (Labov, 1990). Sememangnya, menurut Eckert & McConnell-Ginet (1999:192), yang menjadikan perempuan status-sedar ada kaitannya dengan kesusahan golongan sosial ini memaparkan kuasa sosial mereka menerusi status sosioekonomi. Maka penggunaan variasi standard dijadikan satu cara untuk mengekalkan status mereka.

Dapatan daripada responden lelaki menjurus pada dua kesimpulan. Pertama, lelaki bersifat lebih sederhana dalam menilai variasi. Hal ini mungkin berkait dengan norma-norma masyarakat yang menjadikan golongan lelaki kurang bergantung pada bahasa untuk membuktikan kebolehan mereka (Deuchar, 1989), selain pandangan dunia golongan ini bahawa bahasa hanya berfungsi sebagai alat komunikasi. Kesimpulan kedua berkaitan dengan dakwaan umum bahawa lelaki lebih memihak kepada penggunaan variasi vernakular (Lung, 1997; Eckert, 1989). Walaupun dakwaan ini benar kalau dikupas berdasarkan penilaian lelaki ke atas variasi tempatan dari dimensi kekitaan, namun dapatan dari soal selidik menunjuk dengan jelas bahawa responden lelaki turut meletakkan kepentingan variasi standard lebih tinggi daripada variasi-variasi lain. Sememangnya penggunaan sesuatu variasi tidak semestinya bergantung pada penilaian berdasarkan dimensi kekitaan (atau status) semata-mata, tetapi juga dipengaruhi kesedaran tentang realiti dan pertimbangan pragmatik yang wujud dalam diri responden lelaki.

Penilaian Berdasarkan Taraf Pendidikan Responden

a. Ujian MG

Jadual 4: Penilaian berdasarkan taraf pendidikan terhadap M1, M2, H dan K

Taraf pendidikan	Dimensi	Variasi			
		M1	K	H	M2
Sek. Rendah (P1)	Status	3.82	3.31	3.05	2.40
	Kekitaan	3.18	3.41	3.13	3.14
	Keseluruhan	3.50	3.36	3.09	2.77
Sek. Menengah (P2)	Status	3.58	3.29	2.97	2.47
	Kekitaan	3.23	3.26	3.00	3.05
	Keseluruhan	3.41	3.28	2.99	2.76
Teknik/Diploma (P3)	Status	3.50	3.05	2.82	2.56
	Kekitaan	3.35	2.99	2.92	2.82
	Keseluruhan	3.42	3.02	2.87	2.69
Sarjana Muda (P4)	Status	3.44	3.14	2.91	2.67
	Kekitaan	3.38	3.12	2.88	3.05
	Keseluruhan	3.41	3.13	2.90	2.86
Sarjana (P5)	Status	3.42	2.96	2.80	2.54
	Kekitaan	3.23	3.00	2.80	2.97
	Keseluruhan	3.32	2.98	2.80	2.76
≥ PhD (P6)	Status	3.76	3.43	3.14	2.81
	Kekitaan	2.95	3.24	2.86	3.14
	Keseluruhan	3.36	3.33	3.00	2.98

M1 = Mandarin Standard; K = Kantonis; H = Hokkien; M2 = Mandarin basahan

Untuk memudahkan perbincangan, responden dengan taraf pendidikan yang berbeza-beza diringkaskan sebagai berikut: Sekolah Rendah (P1), Sekolah Menengah (P2), Teknik/Diploma (P3), Sarjana Muda (P4), Sarjana (P5) dan sekurang-kurangnya PhD (P6).

Tinjauan merentasi variasi berdasarkan taraf pendidikan responden menunjukkan taraf pendidikan responden tidak menimbulkan impak terhadap penilaian variasi-variasi dari dimensi status. Responden dengan taraf pendidikan yang berbeza semuanya bersetuju bahawa M1 paling menyerlah dari dimensi status, diikuti K, H, dan diakhiri M2. Hal ini bermakna responden dengan pelbagai taraf pendidikan melihat M1 sebagai paling berpotensi dalam membantu mereka mencapai mobiliti sosial, sementara M2 paling lemah dari aspek ini.

Dapatan tersebut mencetuskan inkuiri sama ada keadaan adalah terbalik jika fokus dialih kepada penilaian responden dari dimensi kekitaan. Daripada Jadual 4, didapati bahawa melainkan P3, kumpulan-kumpulan lain menyaksikan pola yang baru, iaitu:


- (1) Penilaian M2 untuk dimensi kekitaan mengatasi H;
- (2) Berbanding variasi-variasi lain, K diberi penilaian tertinggi oleh P1, P2 dan P6 dari dimensi kekitaan; dan
- (3) Rata-ratanya M1 tetap mendahului (atau sekurang-kurangnya setanding) variasi lain bagi penilaian dari dimensi kekitaan, seperti yang dipamerkan oleh respons dari P2 hingga P5.

Maka boleh dikatakan bahawa variasi tempatan M2 menunjukkan tanda-tanda diiktiraf oleh majoriti responden dengan pelbagai taraf pendidikan sebagai lebih menyerlah dari dimensi kekitaan berbanding dimensi status (satu kriteria yang lazim dimiliki variasi tempatan), di samping berkedudukan lebih mantap sebagai variasi yang menjalinkan perhubungan sesama komuniti berbanding H. Walaupun begitu, tetap tidak boleh dinafikan bahawa responden-responden – tanpa mengira taraf pendidikan – lebih rela mengaitkan diri mereka dengan M1 dari dimensi kekitaan. Hal ini boleh dijelaskan dengan '*Imposed Norm Hypothesis*' yang mencadangkan bahawa satu-satu variasi yang dirasakan sebagai berprestij atau berpengaruh bakal menimbulkan tekanan sosial terhadap pengguna

bahasa (Giles, Bourhis, Trudgill & Lewis, 1974). Tekanan sosial ini seterusnya boleh menyebabkan variasi tersebut disanjung tinggi dari semua aspek, termasuk nilai estetikanya. Di samping itu, responden juga mungkin telah menjiwakan ajaran-ajaran dogmatik yang diterima di pelbagai institusi pendidikan bahawa bahasa Mandarin Standard adalah lebih bernilai berbanding dialek-dialek lain.

Fenomena P1, P2 dan P6 yang menaruh sikap positif terhadap K dari dimensi kekitaan mungkin tidak sesuai dijelaskan berdasarkan taraf pendidikan mereka semata-mata. Hal ini kerana variasi K bukan bahasa pengantar dalam sistem persekolahan di Malaysia, justeru kaitan taraf pendidikan dengan K boleh dikatakan amat minima. Namun sikap positif P1 dan P2 terhadap K mungkin ada kaitan dengan umur mereka, iaitu sesuatu yang boleh ditinjau dengan lebih lanjut pada masa depan. Penilaian P6 terhadap K pula mungkin hanya mewakili pendapat beberapa individu spesifik memandangkan bilangan responden kumpulan ini yang amat sedikit (3 orang).

Jika orientasi penafsiran ke atas Jadual 4 diubah daripada horizontal kepada vertikal (iaitu peninjauan merentasi taraf pendidikan responden berdasarkan satu-satu variasi), didapati bahawa P1 merupakan golongan yang paling sederhana (*lenient*) dalam penilaian secara keseluruhan terhadap variasi-variasi (rujuk Rajah 2).



Rajah 2: Penilaian secara keseluruhan merentasi taraf pendidikan

Semakin tinggi taraf pendidikan responden, semakin berkurang penilaian yang diberikan ke atas setiap variasi. Pola ini walau bagaimanapun menimbulkan persoalan apabila P5 muncul sebagai golongan yang memberikan penilaian terendah kepada semua variasi. Sebaliknya Rajah 2 menunjukkan P6 menduduki tempat kedua sebagai golongan yang memberikan penilaian tertinggi kepada kesemua variasi selepas P1. P1 yang rata-ratanya terdiri daripada generasi muda telah dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji lepas (contohnya Coupland & Biship, 2007; Ithemere, 2006; El-Dash & Tucker, 1975; Bourhis, Giles & Lambert, 1975) sebagai lazim memberikan penilaian yang lebih positif terhadap semua variasi, tetapi rasional ini tidak boleh digunakan untuk menjelaskan kes P6 tersebut. Memandangkan responden yang tergolong dalam P6 hanya tiga orang, penilaian mereka hanya boleh dilihat sebagai bersifat individu dan tidak dapat digeneralisasikan.

b. Soal selidik

Tujuan utama soal selidik dalam kajian ini adalah untuk mengesan sama ada terdapat sokongan (atau sebaliknya) bagi apa-apa yang dilaporkan oleh responden-responden dalam ujian MG. Maklum balas responden terhadap item-item soal selidik tidak semestinya sentiasa berselari dengan apa-apa yang dilaporkan mereka menerusi ujian MG. Namun untuk bahagian ini, nampaknya dapatan yang diperolehi sememangnya menyokong dapatan dalam ujian MG.

Rata-rata pola menunjukkan bahawa penilaian item-item untuk variasi standard M1 adalah berkadar terus dengan taraf pendidikan responden, contohnya bagi item-item BANGGA, KERJA dan ANAK. Dapatan dalam jangkaan ini menunjukkan semakin berpelajaran responden, sokongan mereka ke atas M1 semakin mapan. Boleh dikatakan bahawa M1 bukan sahaja menjanjikan kepuasan dari aspek afektif malah dari aspek instrumental untuk mereka.

K tetap paling digemari P1, P2 dan P6. Malah, P6 muncul sebagai kumpulan yang memberikan penilaian tertinggi bagi K (berbanding kumpulan lain) untuk item-item SUKA, KOMUNIKASI dan ANAK. Sekali lagi diingatkan bahawa oleh sebab bilangan responden P6 yang sedikit, respons kumpulan ini susah digeneralisasikan. Walau bagaimanapun, dapatan ini mencadangkan bahawa mungkin wujudnya hubungan antara taraf pendidikan dengan variasi K yang boleh dikaji pada masa akan datang.

Berbeza dengan M1, peningkatan taraf pendidikan responden tidak menguntungkan dua variasi tempatan H dan M2 dari segi penilaian yang diterima, contohnya untuk item-item BANGGA, PATUT, SUKA dan ANAK. Dapatan ini adalah munasabah kerana daripada ujian MG, didapati pola umum ialah penurunan taraf pendidikan responden menyebabkan peningkatan penilaian terhadap variasi (iaitu, peningkatan taraf pendidikan responden menyebabkan penurunan penilaian terhadap variasi). Malah, perbandingan secara relatif dengan M2 menunjukkan H mempunyai hubungan berkadar songsang yang lebih jelas antara taraf pendidikan dengan penilaian item-itemnya, iaitu MERDU, BANGGA, SUKA dan KOMUNIKASI.

Satu isu yang wajar dibangkitkan ialah respons ke atas item ANAK bagi M2 dan H. Didapati semakin tinggi taraf pendidikan, semakin tidak bersetuju responden untuk anak-anak sendiri mempelajari dua variasi ini. Hal ini mencadangkan wujudnya kepercayaan dalam kalangan responden bahawa dua variasi ini bukan kepunyaan kumpulan berpendidikan tinggi. Kalau diteliti lagi, meskipun penilaian untuk H bagi item ANAK adalah rendah, kesemua responden masih menilainya melebihi atau hampir-hampir 3; tetapi untuk M2, penilaiannya adalah kurang daripada 3 secara konsisten. Meskipun dapatan ini tidak bercanggah dengan pendapat responden bahawa H lebih menyerlah berbanding M2 dari dimensi status, bagi ahli sosiolinguistik keadaan ini memerlukan perhatian kerana ia meramalkan masa depan variasi M2 yang kurang optimistik. Susulan daripada isu yang sama, adakah pula bahasa pertama responden mempunyai pengaruh ke atas penilaian item ANAK? Bahagian seterusnya akan menyentuh jawapan bagi persoalan ini.

Penilaian Berdasarkan Bahasa Pertama Responden

a. Ujian MG

Bahagian ini dimulakan dengan analisis penilaian-penilaian responden dari dimensi status. Jadual 5 menunjukkan bahawa M1 masih variasi yang dianggap paling menyerlah dari dimensi status, khasnya oleh penutur-penutur dialek. Penilaian mereka rata-rata stabil dan melebihi 3.6. Melalui pengalaman hidup, penutur-penutur dialek mungkin telah secara kognitifnya memperbesar jurang perbezaan antara variasi standard dengan vernakular. Kesannya status yang lebih tinggi diberikan kepada M1.

Variasi tempatan M2 tidak diberi penilaian yang sama seperti M1. Hasil penilaian ini digambarkan terutamanya menerusi maklum balas penutur-penutur dialek, yang mana penilaian boleh serendah 2.10. Malah penilaian tertinggi yang diberi oleh penutur Hakka pun hanya 2.55 sahaja. Yang di luar jangkaan ialah responden yang menuturkan bahasa Inggeris memberikan penilaian tertinggi dari dimensi status kepada M2 (2.66) merentasi semua kumpulan.

Jadual 5: Penilaian berdasarkan bahasa pertama terhadap M1, M2, H dan K

Bahasa pertama	Dimensi	Variasi			
		M1	K	H	M2
Bahasa Inggeris	Status	3.47	3.10	2.84	2.66
	Kekitaan	3.37	3.14	2.91	3.19
	Keseluruhan	3.42	3.12	2.87	2.92
Bahasa Melayu	Status	3.81	4.00	3.19	2.38
	Kekitaan	3.67	3.43	3.43	2.52
	Keseluruhan	3.74	3.71	3.31	2.45
Bahasa Mandarin	Status	3.42	3.11	2.89	2.64
	Kekitaan	3.37	3.12	2.91	3.00
	Keseluruhan	3.39	3.11	2.90	2.82
Dialek Hokkien	Status	3.64	3.24	2.97	2.52
	Kekitaan	3.21	3.12	2.99	3.09
	Keseluruhan	3.43	3.18	2.98	2.80
Dialek Kantonis	Status	3.68	3.40	2.91	2.44
	Kekitaan	3.09	3.44	2.87	3.01
	Keseluruhan	3.38	3.42	2.89	2.73
Dialek Teochew	Status	3.91	3.36	2.99	2.10
	Kekitaan	3.13	3.33	2.81	3.01
	Keseluruhan	3.52	3.34	2.90	2.56
Dialek Hakka	Status	3.66	3.29	3.04	2.55
	Kekitaan	3.00	3.39	3.11	3.30
	Keseluruhan	3.33	3.34	3.08	2.92
Dialek Foochow	Status	3.64	3.19	2.87	2.20
	Kekitaan	3.06	3.03	2.77	2.50
	Keseluruhan	3.35	3.11	2.82	2.35

M1 = Mandarin Standard; K = Kantonis; H = Hokkien; M2 = Mandarin basahan

Beralih perhatian kepada penilaian ke atas dialek-dialek dari dimensi status, didapati penilaian yang diberikan penutur K kepada K adalah tertinggi (3.40) antara semua kumpulan (dengan mengabaikan penilaian penutur bahasa Melayu, rujuk rasional yang diberikan di bawah). Boleh dirumuskan bahawa penutur K amat menaruh aspirasi terhadap variasi yang dituturkan mereka sehari-harian. Berdasarkan token yang sama, dijangkakan bahawa H akan menjadi variasi yang dinilai tinggi dari dimensi status oleh penutur H juga. Akan tetapi dapatan adalah berlawanan dengan jangkaan. Rata-rata penilaian berada pada 2.90 (juga dengan mengabaikan penilaian penutur bahasa Melayu) dan penilaian tertinggi bagi H hanyalah setinggi 3.04 yang diberikan oleh penutur Hakka. Malah penilaian oleh penutur H sendiri (2.97) adalah tidak setanding dengan penilaian oleh penutur Teochew (2.99). Inferens yang boleh dibuat ialah penutur-penutur H tidak menaruh nilai instrumental yang tinggi kepada bahasa pertama mereka. Dapatan kajian ini berlawanan dengan Ting & Pua (2010) yang mengatakan bahawa sikap penutur H terhadap H tidak berubah walaupun dicabar bahasa Mandarin.

Jika diteliti lagi, didapati:

- (1) Penutur Foochow kekal sebagai penilai terendah (berbanding dengan penutur dialek-dialek lain) bagi hampir kesemua variasi dari dimensi status (dan juga dimensi kekitaan). Dapatan ini mencadangkan sikap penutur Foochow yang lebih konservatif dalam pengiktirafan kebergunaan variasi-variasi Cina di sekeliling mereka.
- (2) Antara penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin, penutur bahasa Melayu muncul sebagai kumpulan yang memberikan penilaian tertinggi kepada M1, K dan H, tetapi terendah kepada M2 (pola ini juga berulang untuk penilaian dari dimensi kekitaan). Dapatan ini mencadangkan mungkin wujudnya hubungan

antara kedua-dua pembolehubah ini. Namun memandangkan bilangan responden amat sedikit untuk penutur bahasa Melayu dalam kajian ini (3 orang), dapatan ini tidak sesuai digeneralisasikan dan hanya akan disentuh sebentar lalu di sini.

Untuk penilaian dari dimensi kekitaan pula, tiga pola penting dikesan:

- (1) Penilaian untuk K, H, dan M2 masih mengikuti pola yang sama seperti dimensi status, iaitu penutur K memberikan penilaian tertinggi kepada K; penutur Hakka memberikan penilaian tertinggi kepada H dan M2 (penilaian oleh penutur bahasa Melayu diabaikan). Dari satu sudut, hal ini mencadangkan bahawa penutur K berasa paling selesa menggunakan variasi sendiri. Sememangnya, penutur K bukan golongan majoriti di Kuching; namun keluasan penggunaan K dalam media massa mungkin meningkatkan semangat egosentrik pada diri mereka. Sementara itu, dapatan kajian membolehkan penutur Hakka dilihat sebagai kumpulan yang bersikap paling terbuka terhadap diversiti linguistik. Mungkin tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa penutur Hakka sebagai kumpulan yang sikap bahasanya menumpu (*converging*) dan bukannya mencapah (*diverging*). Perkara ini jelas dilihat menerusi penilaian tinggi mereka yang bukan sahaja diberikan kepada H, M2 dan K dari dimensi status tetapi juga dari dimensi kekitaan.
- (2) Penilaian untuk M1 menunjukkan sesuatu yang langsung berlawanan dengan penilaian untuk dimensi status. Jika dari dimensi status penutur-penutur dialek memberikan penilaian yang tinggi kepada M1, dalam dimensi kekitaan mereka menilainya rendah pula (penilaian tertinggi hanyalah 3.21 oleh penutur H). Sebaliknya penutur-penutur bagi bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin berasa bahawa M1 lebih mendekati mereka dari dimensi kekitaan (semua penilaian melebihi 3.3). Pola ini mencadangkan penutur-penutur dialek berasa kurang rapat dengan M1; tetapi bagi penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin, M1 jelas satu variasi yang lebih diterima mereka.
- (3) Penilaian untuk M2 dari dimensi kekitaan oleh semua kumpulan mengatasi penilaian dari dimensi status – sesuatu yang berada dalam jangkauan.

Di samping pola-pola tersebut, juga didapati bahawa penilaian penutur H untuk H dari dimensi kekitaan menyaksikan peningkatan, yakni penilaiannya menduduki tempat kedua selepas penilaian oleh penutur Hakka (penilaian oleh penutur bahasa Melayu diabaikan). Maka setidak-tidaknya penutur H boleh ditafsir sebagai masih menaruh perasaan terhadap bahasa pertama sendiri meskipun mereka tidak memandang tinggi nilai instrumentalnya.

Penutur bahasa Mandarin tidak menunjukkan respons yang ekstrim. Dakwaan ini masih sah walau dalam penilaian keseluruhanpun, iaitu penilaiannya adalah antara 2.82 hingga 3.39. Selain itu, daripada penilaian secara keseluruhan juga, didapati bahawa, melainkan penutur K dan Hakka yang menilai K tertinggi, penilaian-penilaian oleh kesemua kumpulan lain amnya mengikut pola $M1 > K > H > M2$.

b. Soal selidik

Melalui maklum balas responden dengan pelbagai bahasa pertama dalam soal selidik, satu pola yang agak stabil dikesan, iaitu penutur-penutur dialek cenderung menyebelahi variasi-variasi tempatan dan vernakular, sementara penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin lebih positif dalam penilaian mereka terhadap variasi standard M1. Pola ini boleh diteliti sekurang-kurangnya dari dua aspek: ‘Kebergunaan’ dan ‘penghargaan estetik’.

Dari aspek ‘kebergunaan’, contohnya item-item PATUT, KERJA, dan KOMUNIKASI, didapati rata-rata penilaian oleh penutur-penutur dialek sering mengatasi penilaian oleh penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin untuk M2 dan H. Yang dimaksudkan dengan ‘mengatasi’ ini merangkumi kes-kes sama ada

- (a) sikap positif jelas ditunjukkan oleh penutur-penutur dialek yang penilaiannya melebihi 3 untuk satu-satu item soal selidik, manakala penilaian negatif yang kurang daripada 3 pula jelas ditunjukkan oleh penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin (contohnya penilaian ke atas M2 untuk item PATUT dan KOMUNIKASI, penilaian ke atas H untuk item PATUT); atau
- (b) penilaian oleh penutur-penutur dialek adalah lebih tinggi berbanding penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin, walaupun mereka kesemuanya menilai sama-sama rendah (atau tinggi) untuk satu-satu item soal selidik (contohnya penilaian ke atas H untuk item KOMUNIKASI).

Keadaan yang sama turut dikesan dari aspek ‘penghargaan estetik’, misalnya penilaian ke atas M2 dan H oleh dua kumpulan penutur ini untuk item-item SUKA dan MERDU.

Walaupun begitu, pola tersebut tidak sepatutnya diinterpretasikan sebagai penutur-penutur dialek *hanya* menyokong variasi tempatan dan vernakular secara membuta tuli. Apabila fokus penilaian dialih kepada variasi standard, itulah masanya mereka memberikan jalan kepada penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin

untuk memberikan penilaian yang lebih tinggi (berbanding penutur-penutur dialek) kepada M1, contohnya penilaian M1 untuk item PATUT. Meskipun nampak aneh pada pandangan pertama, tetapi inilah yang dimaksudkan dengan ‘penutur-penutur bahasa Inggeris, Melayu dan Mandarin lebih bersikap positif terhadap variasi standard M1’ seperti yang disentuh pada awal perbincangan bahagian ini.

Pola yang dilaporkan di atas turut tidak bererti terdapatnya tren-tren signifikan yang ditunjukkan oleh *mana-mana* kumpulan penutur terhadap *mana-mana* variasi. Yang ditunjukkan hanyalah wujudnya kecenderungan penilaian oleh kumpulan-kumpulan penutur. Walau bagaimanapun, respons daripada dua kumpulan penutur wajar diberikan perhatian khas. Satu daripadanya ialah penutur H. Meskipun dalam ujian MG (yang bertujuan menguji sikap bahasa responden secara tidak langsung), penutur H tidak mendedahkan petanda-petanda yang jelas tentang perasaan bangga mereka terhadap H, namun dalam soal selidik ini didapati bahawa penutur H merupakan kumpulan yang agak bangga menutur H (3.23 dalam item BANGGA) dan paling tidak akan berasa malu jika bertutur dalam H (1.79 dalam item MALU). Dapatan ini adalah koheren dengan hasrat tinggi kumpulan penutur ini untuk membolehkan anak-anak sendiri mempelajari H (3.80, iaitu penilaian tertinggi untuk H dalam item ANAK merentasi semua kumpulan penutur). Malah, daripada item SUKA, penutur H dilaporkan sebagai paling suka mendengar H (3.61) berbanding kumpulan-kumpulan penutur lain – satu ekspresi ketaatan terhadap variasi yang dituturkan mereka sehari-harian.

Kumpulan yang satu lagi ialah penutur K. Penutur K selesa dengan status mereka sebagai penutur asli variasi yang disebar luas ini. Penilaian tinggi mereka untuk K bagi item MERDU dan SUKA (masing-masing 3.64 dan 3.45) menyokong kesimpulan tersebut. Namun pada masa yang sama, penutur K tidak menafikan hakikat bahawa variasi ibunda mereka tidak setanding variasi lain dari sesetengah aspek dalam konteks Kuching, sebagaimana yang disaksikan dalam penilaian mereka untuk item PATUT, KERJA, MAHAL, dan KOMUNIKASI. Dilema ini menawarkan satu penjelasan kenapa mereka jatuh dalam kumpulan yang kurang berbangga terhadap K (2.73, item BANGGA) dan kurang proaktif untuk menurunkan K kepada anak mereka (3.18, item ANAK).

5. Kesimpulan

Kajian ini telah menyelidik sikap bahasa komuniti atas-talian berbangsa Cina di Kuching. Kupasan dari segi faktor jantina menunjukkan kaum lelaki lebih mendampingi variasi tidak standard/vernakular manakala variasi standard lebih disukai kaum perempuan. Analisis soal selidik memaparkan hujah tersebut di samping menyokong kajian-kajian seperti Holmes (2008) dan Cavallaro & Ng (2009) bahawa perempuan lebih peka pada status. Turut didapati bahawa kaum perempuan bersikap lebih ekstrim dalam penilaian variasi, di samping lebih mementingkan aspek kekitaan variasi standard berbanding lelaki (Coupland & Bishop, 2007; Cavallaro & Ng, 2009), meskipun kedua-dua jantina tidak menafikan keserlahan variasi ini dari dimensi status. Dari segi taraf pendidikan, perbezaan taraf pendidikan tidak mempengaruhi pandangan responden dari dimensi status. Walaupun bahasa Mandarin basahan lebih terserlah dari dimensi kekitaan, tetapi *Imposed Norm Hypothesis* dan ajaran dogmatik semasa alam persekolahan menyebabkan responden lebih mendampingi variasi standard. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa walaupun peningkatan dalam taraf pendidikan lebih memihak variasi standard, tetapi juga menyebabkan setiap variasi dinilai dengan rendah. Kajian turut mendapati taraf pendidikan berkadar songsang dengan hasrat responden untuk membiarkan anak-anak mempelajari bahasa Mandarin basahan dan dialek Hokkien.

Kupasan dari segi bahasa pertama menunjukkan penutur dialek khasnya melihat variasi standard sebagai paling berstatus dan bukannya variasi basahan. Berbanding dengan penutur Kantonis yang menilai tinggi dialek Kantonis dari dimensi status dan kekitaan, ujian MG dengan sokongan dapatan soal selidik menunjukkan penutur Hokien lebih menyanjung aspek kekitaan dialek sendiri. Didapati juga dari segi penerimaan diversiti linguistik, penutur Foochow bersikap konservatif sementara penutur Hakka bersikap paling terbuka. Amnya, penutur dialek menyebelahi variasi tempatan dan vernakular sementara penutur bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin lebih memihak variasi standard.

Ringkasnya, dapatan kajian menjelaskan bahawa faktor jantina, taraf pendidikan dan bahasa pertama responden memainkan peranan dalam pembentukan sikap bahasa mereka terhadap empat variasi bahasa Cina. Secara amnya, boleh dikatakan bahawa bahasa Mandarin Standard paling disanjung tinggi, diikuti oleh dialek Hokkien dan Kantonis di Bandaraya Kuching. Bahasa Mandarin basahan merupakan variasi yang paling kerap menerima diskriminasi.

Rujukan

- Baskaran, L. M., 2005. *A Linguistic Primer for Malaysians*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Bourhis, R. Y., Giles, H., & Lambert, W. E., "Social consequences of accommodating one's style of speech: A cross-national investigation" dlm. *International Journal of the Sociology of Language*, 6:55-72, 1975.
- Cavallaro, F., & Ng, B. C., "Between status and solidarity in Singapore" dlm. *World Englishes*, 28(2):143-59, 2009.
- Chen, C. Y., 1993a. "The Nasal Endings and the Retroflexed Initials in Peking Mandarin: Instability and Trend of Changes" dlm. C. Y. Chen (Ed.), *Aspects of Mandarin Chinese*, hlm. 69-96. Singapore: National University of Singapore.
- Chen, C. Y., 1993b. "A Fifth Tone in the Mandarin Spoken in Singapore" dlm. C. Y. Chen (Ed.), *Aspects of Mandarin Chinese*, hlm. 249-72. Singapore: National University of Singapore.
- Chen, C. Y., 1993c. "Huayu (Putonghua, Guoyu) yu Beijing hua" dlm. C. Y. Chen (Ed.), *Aspects of Mandarin Chinese*, hlm. pp. 8-27. Singapore: National University of Singapore.
- Coupland, N., & Bishop, H., "Ideologised values for British accents" dlm. *Journal of Sociolinguistics*, 11(1):74-93, 2007.
- Crystal, D., 1992. *An Encyclopedic Dictionary of Language and Languages*. Cambridge, MA: Blackwell.
- Deuchar, M., 1989. "A pragmatic account of women's use of standard speech" dlm. J. Coates & D. Cameron (Eds.), *Women in their speech communities*, hlm. 27-32. London: Longman.
- Eckert, P., "The whole woman: Sex and gender differences in variation" dlm. *Language Variation and Change*, 1:245-67, 1989.
- Eckert, P., & McConnell-Ginet, S., "New generalizations and explanations in language and gender research" dlm. *Language in Society*, 28:185-201, 1999.
- Edwards, J., 1982. "Language Attitudes and Implications Among English Speakers" dlm. E. B. Ryan & H. Giles (Eds.), *Attitudes Towards Language Variations*, hlm. 20-33. London: Arnold.
- El-Dash, L., & Tucker, R., "Subjective reactions to various speech styles in Egypt" dlm. *Linguistics*, 166(15):33-54, 1975.
- Fasold, R., 1984. *The Sociolinguistics of Society*. UK: Blackwell Publishers.
- Giles, H., Bourhis, R. Y., Trudgill, P., & Lewis, A., "The imposed norm hypothesis: a validation" dlm. *Quarterly Journal of Speech*, 60(4):405-10, 1974.
- Hayes, B. P., 2010. *Introductory Linguistics*. Los Angeles: University of California.
- Holmes, J., 2008. *An Introduction to Sociolinguistics*. England: Pearson Education Limited.
- Ihemere, K. U., 2006. "An Integrated Approach to the Study of Language Attitudes and Change in Nigeria: The Case of the Ikwerre of Port Harcourt City" dlm. O. F. Arasanyin & M. A. Pemberton (Eds.), *Selected Proceedings of the 36th Annual Conference on African Linguistics*, hlm. 194-207. Somerville, MA: Cascadilla Proceedings Project.
- Karahan, F., "Language attitudes of Turkish students towards the English language and its use in Turkish context" dlm. *Journal of Arts and Sciences*, 7:72-87, 2007.
- Labov, W., "The intersection of sex and social class in the course of linguistic change" dlm. *Language Variation and Change*, 2:205-54, 1990.
- Lam, K.C., & Kamila Ghazali, "Kaedah Inovatif Dalam Kajian Sikap Bahasa" dlm. *Jurnal Bahasa*, 28:77-99, 2013.
- Lim, K-T, & Hsiao, M. H-H., "Is There a Transnational Hakka Identity? : Examining Hakka Youth Ethnic Consciousness in Malaysia" dlm. *Taiwan Journal of Southeast Asian Studies*, 6(1):49-80, 2009.
- Luhman, R., "Appalachian English Stereotypes: Language Attitudes in Kentucky" dlm. *Language in Society*, 19(3):331-48, 1990.
- Lung, R., "Language attitudes and sex-based differences in Hong Kong" dlm. *Linguistische-Berichte*, 171:396-414, 1997.
- Platt, J. T., "A model for polyglossia and multilingualism (with special reference to Singapore and Malaysia)" dlm. *Language in Society*, 6:361-78, 1977.
- Preston, D., 1999. "A Language Attitude Approach to the Perception of Regional Variety" dlm. D. R. Preston (Ed.), *Perceptual Dialectology* (Edisi 1), hlm. 359-73. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Preston, D. R., 2002. "Language with an attitude" dlm. J. K. Chambers, P. Trudgill & N. Schilling-Estes (Eds.), *The Handbook of Language Variation and Change*, hlm. 40-66. Oxford: Blackwell.
- Schilling-Estes, N., 2002. "Field methods" dlm. J. K. Chambers, P. Trudgill & N. Schilling-Estes (Eds.), *The Handbook of Language Variation and Change*, hlm. 17-9. Oxford: Blackwell.
- Tan, C. B., 2000. "Socio-cultural Diversities and Identities" dlm. K. H. Lee & C. B. Tan (Eds.), *The Chinese in Malaysia*, hlm. 94-122. Shah Alam: Oxford University Press.
- Ting, S. H., & Puah, Y. Y., 2010. "Young Hokkien speakers' pride in their ethnic language and Mandarin" Kertas Kerja International Conference on Minority and Majority: Language, Culture and Identity. Kuching, Malaysia, 23 & 24 November 2010.
- Trudgill, P., 2003. *A Glossary of Sociolinguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Wolff, H., "Intelligibility and inter-ethnic attitudes" dlm. *Anthropological Linguistics*, 1(3):34-41, 1959.
- Zhang, Q., "Hong Kong People's Attitudes Towards Varieties of English" dlm. *Newcastle Working Papers in Linguistics*, 15:151-73, 2009.